

17 JAN 2001

Mahathir-Sharizat

PELANTIKAN SHARIZAT KERANA ADA DESAKAN KUAT, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 17 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pelantikan Datuk Shahrizat Abdul Jalil sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita dibuat kerana adanya desakan yang begitu kuat supaya diwujudkan Kementerian berkenaan.

"Kita memang hargai sumbangan wanita dan peranan mereka, dan sebab itu kita wujudkan satu Kementerian baru," katanya kepada pemberita selepas majlis Hari Raya bersama kakitangan pejabat Perdana Menteri, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai pengumuman pelantikan dua menteri, dua timbalan menteri dan seorang setiausaha parlimen hari ini.

Brig Jen Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Senator Datuk Zainuddin Maidin sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan.

Ditanya sama ada seorang timbalan kepada Shahrizat akan dilantik, Perdana Menteri berkata perkara itu belum difikirkan lagi.

"Kita fikirkan waktu ini memadai untuk adakan seorang menteri (bagi hal ehwal) wanita," katanya.

Mengenai pelantikan Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr Mahathir berkata ia untuk mengisi satu lagi jawatan untuk Kementerian itu.

"Ada jawatan yang kita tidak isi semasa kita tubuh kerajaan selepas pilihan raya 1999. Ada jawatan yang kita tidak isi dan sekarang kita isi," kata beliau.

Ditanya sama ada beliau akan menambah lagi jawatan menteri dan anggota pentadbiran, Dr Mahathir berkata: "Itu kita dah lantik, setakat itu sajalah."

Menjawab soalan bahawa pengumuman hari ini bukan mengenai rombakan Kabinet tetapi merupakan pelantikan jawatan, beliau berkata: "Yalah, itu sahaja. Yang dok cakap pasal rombakan hanyalah press, bukan saya. Saya tak kata rombakan."

"Orang lain jangan ghairah nak buat rombakan. Saya tidak ghairah apa pun."

Perdana Menteri berkata beliau juga mahu melantik seorang yang difikirkan boleh menyumbang kepada Kabinet setelah Datuk Dr Abdul Hamid Othman meletak jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau juga berpuas hati dengan tugas yang dijalankan oleh menteri-menteri dalam Kabinet beliau.

"Walaupun orang lain mungkin tidak puas hati (dengan menteri kabinet yang sedia ada) kerana orang lain punya agenda, tapi mengikut saya, mereka (menteri-menteri) ini menjalankan tugas mereka. Maka, saya kekalkan mereka melainkan kalau mereka minta untuk letak jawatan," katanya.

Ketika ditanya tentang kemungkinan menteri digugurkan daripada Kabinet, Dr Mahathir berkata: "Nak gugur pasal apa pulak, kalau mereka ada buat salah, kita gugurlah."

-- BERNAMA

HS NZ NAK